

Published biannually by:  
**Faculty of Islamic Civilization Studies,**  
**Selangor International Islamic University College (KUIS)**  
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.  
Tel: +603-8911 7167. Fax: +603-8925 4402  
Email: alirsyad@kuis.edu.my  
Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>

**Vol. 5, No. 2, (December, 2020)**

## Pencegahan dadah dalam kalangan belia berisiko melalui elemen penghayatan akidah

*[Drug prevention among at-risk youth through element of aqidah comprehension]*

**Rosni Wazir\*, Abur Hamdi Usman, Norsaleha Mohd Salleh, Suriani Sudi, Abdul Hadi Awang & Syamim Zakwan Rosman**

Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Selangor, Malaysia.

\* Corresponding Author: Dr. Rosni Wazir. Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Kajang, Selangor, Malaysia. E-mail: rosni@kuis.edu.my.

---

### Kata Kunci:

Penghayatan, Akidah, Daya Tahan, Belia, Pencegahan Dadah

---

### ABSTRAK

Aqidah merupakan kunci hubungan dan keyakinan umat Islam kepada Allah SWT. Perkara pertama yang dilakukan Rasulullah SAW ketika diutuskan sebagai Rasul adalah membetulkan akidah masyarakat yang telah terpesong. Di Malaysia, umat Islam berpegang dengan akidah berdasarkan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah. Meskipun pembelajaran akidah ini telah diterapkan sejak bangku sekolah lagi, namun cabaran penghayatan akidah belia kini berada di tahap yang membimbangkan. Hal ini mengakibatkan pelbagai krisis dan masalah. Dalam menangani isu belia, permasalahan dadah merupakan isu serius yang sering diberi perhatian. Statisitik pertambahan penagih dadah belia baru dan berulang pada saban tahun amat meresahkan meskipun pelbagai pendekatan telah diambil untuk menyelesaikan isu ini. Terdapat keperluan untuk mengenalpasti elemen penghayatan akidah dalam membina daya tahan belia untuk menangani isu dadah. Hal ini kerana daya tahan yang kuat dilihat sebagai faktor pelindung daripada terjebak dengan najis dadah. Justeru, berdasarkan metode kualitatif kepustakaan, artikel ini membincangkan elemen penghayatan akidah yang dapat membina daya tahan belia lalu membentuk pencegahan dadah yang berkesan. Dapatkan artikel ini menunjukkan elemen penghayatan akidah, iaitu kefahaman, perasaan dan amalan mempunyai faktor pelindung kepercayaan, pengharapan, pengawasan, konsep balasan, ketaatan, pengawasan, keredaan, kesyukuran, penghargaan, kecintaan, kecekalan, kepatuhan, pengurusan diri dan ketekunan. Nilai-nilai ini menyumbang kepada daya tahan individu. Oleh yang demikian, elemen penghayatan akidah hendaklah diperkasakan dalam strategi pencegahan dan diberi perhatian oleh pihak sewajarnya supaya usaha pencegahan dadah di negara ini dapat diperkasakan.

---


### Keywords:

Comprehension, Aqidah, Resilience, Youth, Drug Prevention

---

### ABSTRACT

*Aqidah is the fundamental of Muslims faith and their primary bond to Allah. The main teaching that the Messenger of Allah did when he was sent as an apostle was to correct the faith of the Arabs that had been misguided. In Malaysia, Muslim's aqidah is based on the Ahl Sunnah Wal Jamaah sect. Although Islamic faith education has been practiced since school, the challenge of aqidah-valued*



*comprehension and awareness among youths is at an alarming level. This has led to various problems and issue in community. In addressing youth issues, drug addiction problems are a serious issue that often discussed. The numbers of new and recurring youth drug addicts over the years is worrying even though various steps and approaches have been taken to resolve this issue. In addressing drug issues, there are massive needs to identify elements of aqidah comprehension in building youth resilience. This due to strong resilience is seen as protective factor against drug addiction. Therefore, based on the qualitative methods, this article discusses elements of aqidah comprehension that able to build youth resilience and create effective drug prevention. The findings of this article show that the elements of aqidah comprehension which is understanding, feelings and practices contains protective factors of trust, hope, supervision, the concept of retribution, obedience, supervision, pleasure, gratitude, appreciation, love, perseverance, obedience, self-management and perseverance. These values contribute to individual resilience. Therefore, aqidah comprehension is useful to be moulded in the drug prevention strategy and as well as given appropriate attention by the respective parties so that drug prevention efforts in this country can be strengthened.*

Received: April 21, 2020

Accepted: November 03, 2020

Online Published: December 20, 2020

## 1. Pendahuluan


Aqidah berasal daripada perkataan bahasa Arab, iaitu ‘aqada yang bererti mengikat atau menyimpul. Perkataan akidah biasanya digunakan pada ikatan atau simpulan tali dan seumpamanya. Selain itu, ikatan itu juga membawa maksud perjanjian (Ibn Manzūr, 2005). Menurut istilah, akidah ialah perkara yang dibenarkan dan ditetapkan di dalam hati dengan yakin bahawa pegangan itu benar dan tidak ada keraguan padanya (al-Ashqar, 1984).

Dalam konteks individu, akidah merupakan asas yang mampu melahirkan insan yang mempunyai keyakinan yang tinggi kepada Allah SWT seterusnya membentuk keimanan, kerohanian, keilmuan, penghayatan dan amalan bagi melahirkan individu yang seimbang emosi, rohani dan akalnya dengan amalan dan tingkah laku fizikalnya (Sābiq, 2003).

Mutakhir ini, isu penghayatan akidah belia telah dibangkitkan oleh ilmuan dan pemimpin masyarakat. Hal ini berikutan pelbagai masalah belia seperti ajaran sonsang, keruntuhan akhlak dan gejala sosial (Hassan, 2011). Keruntuhan nilai akidah dalam diri seseorang bukan sahaja menjadi ancaman kepada kesejahteraan diri dan masyarakat malah turut menjadi punca sebenar kepada kelemahan emosi dan spiritual seseorang yang mengakibatkan berlaku perkara-perkara yang tidak diingini seperti kecenderungan membunuh diri serta kemurungan (al-Qaradāwī, 2005).

Isu dadah merupakan salah satu isu kesihatan awam yang sering diberi perhatian dan dikaitkan dengan pelbagai masalah jenayah dan kesihatan mental. Penagihan dadah amat sinonim dengan remaja khususnya dalam kalangan remaja yang berisiko (Ismail, Hafezi & Nor, 2014). Penglibatan golongan remaja dalam masalah salah guna bahan menunjukkan belia berumur 19-39 tahun merupakan majoriti tertinggi penagih yang dikesan, manakala penagih remaja yang berumur antara 13-18 tahun menunjukkan peningkatan yang signifikan (Abdul Kadir, Paad, Ghapar & Nawawi, 2013).

Peranan akidah dalam menangani isu penagihan dadah wajar dikaji khususnya melalui aspek pencegahan. Hal ini kerana mencegah lebih baik daripada mengubati. Ditambah pula terdapat keperluan untuk menambah baik strategi pencegahan dadah sedia ada (Arip et al., 2015). Kemerosotan akhlak dan jati diri dalam kalangan belia hanya boleh diatasi melalui kekuatan akidah dan hubungan yang berterusan dengan Allah SWT (Ary, 2002). Kekuatan penghayatan akidah merupakan kekuatan asas yang harus dikuasai oleh remaja bagi membersihkan emosi, fikiran dan perlakuan daripada melakukan perkara-perkara yang



bertentangan dengan kehendak Islam (al-Qarađāwī, 2005). Justeru, dalam artikel ini penulis menghuraikan elemen penghayatan akidah yang dapat membina daya tahan belia lalu membentuk pencegahan dadah yang berkesan.

## 2. Akidah Umat Islam di Malaysia

Pengaruh utama yang dibawa oleh Islam apabila memasuki Tanah Melayu ialah terhadap aqidah (Daud, 1989). Kedatangan Islam telah mengubah masyarakat Melayu dari segi dalamannya. Jika dahulu mereka asyik dengan bidang kesenian, mitos dan khayalan, tetapi selepas kedatangan Islam timbul pandangan-pandangan yang mementingkan unsur-unsur rasionalisme dan intelektualisme. Ini adalah hasil daripada usaha para pendakwah Islam yang menyeru kepada kepercayaan ketuhanan yang tunggal dan kehendaknya berjalan selaras dengan akal. Insan diciptakan dengan sifat terasnya iaitu akal dan unsur inilah yang menjadi perhubungan antara insan dengan hakikat alam semesta (al-Attas, 1990).

Dari sudut pendidikan, Islam telah menyebabkan perubahan dalam strata sosial masyarakat Melayu. Selepas penerimaan Islam, golongan bawahan turut menerima pendidikan yang sama seperti golongan atasan. Sistem pendidikan yang bermula di istana mula beralih ke beberapa institusi pendidikan Islam seperti pondok dan madrasah. Budaya keilmuan yang dibawa oleh Islam pula telah mengembangkan tradisi pendidikan dan pengajaran secara lebih tersusun. Melalui sistem pengajian ilmu tersebut lahirlah para cendekiawan dan ulama Melayu yang menjadi pegawai-pegawai pemerintah, guru-guru dan ahli agama (Musa, 2004). Hasil daripada didikan ini, masyarakat Melayu mula membentuk suatu jati diri yang mantap. Mereka dikenali sebagai bangsa yang beragama, berakhhlak dan berbudi. Sejak lahir lagi kanak-kanak akan diajar konsep dosa, pahala, halal, haram dan sebagainya. Setelah meningkat umur lima tahun ke atas kanak-kanak juga akan diajar bersembahyang, berpuasa dan lain-lain. Selain itu, mereka juga diajar supaya hormat-menghormati, bertolak ansur dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam menjalani kehidupan sehari-hari (Abdul Manaf, 2001).


Pengaruh akidah terhadap perubahan seluruh aspek kehidupan masyarakat Melayu tidak dapat dinafikan. Menurut kajian, umat Islam di Malaysia mempunyai asas pegangan akidah yang mantap berdasarkan aliran Ahli Sunah Waljamaah (Hamat, 2008). Aliran ini dikukuhkan lagi oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke-8 yang telah diadakan pada 24 dan 25 September 1984 telah memutuskan bahawa hanya Ahli Sunah Waljamaah sahaja mazhab akidah yang diterima di negara ini, manakala mazhab-mazhab lain dilarang dari diamal dan disebarluaskan di kalangan masyarakat (Mat, 1997).

Ahli Sunnah Waljamaah menurut definisi terminologinya ialah golongan yang memahami dan berpegang kepada al-Qur'an dan Sunnah Nabi SAW menerusi para sahabat, tabiin dan tabi tabiin yang setia bersama mereka dalam prinsip-prinsip aqidah, syariah dan akhlak (Mas'od, 2013). Perkembangan aliran Ahli Sunnah Waljamaah di Malaysia adalah seiring dengan perluasan pengaruh mazhab Asya'irah-Maturidiyah di Nusantara (Abdullah, 1998). Mereka adalah golongan berfahaman sederhana (*wasatiyyah*), tidak melampau dan tidak terlalu longgar. Ini berbeza dengan aliran Khawarij, Syiah Rafidah, Qadariyyah, Jabariyyah, Muktazilah, Anti-Hadith, Islam liberal, pluralisme agama dan seumpamanya. Selain itu, Ahli Sunnah Waljamaah ialah golongan yang mengutamakan perpaduan dan persaudaraan Islam, perdamaian, berpegang kepada prinsip tidak memuja pemimpin, tidak taksub sehingga mengkafir atau menyesatkan sesama Islam (Abdullah, 1998).

## 3. Krisis Penghayatan Akidah Belia dan Hubungannya dengan Isu Dadah

Pendidikan akidah Islam merupakan antara subjek yang diajar dalam Kurikulum Pendidikan Islam kepada semua pelajar beragama Islam di Sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia. Dalam pendidikan akidah, pelajar diajar tentang enam rukun iman yang bermula dengan beriman kepada Allah SWT, malaikat, rasul, kitab, hari akhirat serta takdir baik dan buruk. Penekanan kepada rukun iman menjadi aspek yang penting dalam pembelajaran akidah Islam kerana ia adalah dasar dan tunjang dalam pendidikan keseluruhannya. Bahkan ia menjadi dasar dalam aktiviti kehidupan, sama ada yang berkaitan dengan kehidupan peribadi, masyarakat atau negara (Gamal, 2002).

Meskipun sistem pendidikan Islam yang sebegini, tetapi terdapat beberapa cabaran yang menggugat keutuhan akidah Islam di Malaysia. Cabaran tersebut adalah sama ada dalam bentuk dalaman ataupun luaran menyentuh aspek pemikiran dan penghayatan akidah (Hamat, 2008). Permasalahan penghayatan akidah dalam kalangan belia telah dibincangkan oleh Ibrahim (2004) dengan menyatakan penglibatan golongan remaja dalam kegiatan yang boleh merosakkan akidah seperti terlibat dalam aktiviti black metal mahupun aktiviti yang merosakkan diri seperti menagih dadah.



Penagihan dadah juga merupakan manifestasi daripada penghayatan akidah yang rendah. Kajian yang dilakukan oleh Abdullah (2009) terhadap 270 remaja dan belia Melayu di Lembah Klang mendapat seramai 48 orang daripada responden yang dikaji terlibat dengan pengambilan dadah. Mereka bukan sahaja terlibat dengan pengambilan dadah, malah berani melakukan perbuatan yang dilarang oleh agama seperti menonton filem lucu (128 orang, 47.4%), melakukan hubungan seks (124 orang, 45.9%), minum minuman keras (112 orang, 41.5%) dan meninggalkan solat (77 orang, 59.2%). Kajian ini merumuskan penglibatan golongan ini dalam masalah sosial disebabkan kurangnya pendidikan akhlak dan pengetahuan agama khususnya tentang akidah Islam kepada mereka (Abdullah, 2009).

Di samping itu, permasalahan akidah mempunyai perkaitan dengan pendidikan ibu bapa (Ibrahim 2004). Kajian yang dilakukan oleh Ali dan Yusof (2004) mengenai peranan ibu bapa dalam menangani salah laku sosial dalam kalangan remaja merumuskan ibu bapa sangat berpengaruh terhadap pembentukan peribadi dan tingkah laku remaja. Para pelajar dalam kajian ini mengharapkan ibu bapa mereka memainkan peranan dengan cara memberi perhatian terhadap pembentukan spiritual, agama, masa depan, pelajaran, kewangan, beliaian dan pemilihan kerjaya. Kajian ini menunjukkan peranan langsung yang dimainkan oleh ibu bapa dalam membentuk penghayatan akidah anak-anak dan kecerdasan emosi dan spiritual mereka.

Dari segi bahasa, penghayatan berasal dari *hayah* iaitu perkataan bahasa Arab yang bermakna hidup, manakala kata kerja ‘menghayati’ memberi maksud mengalami dan merasai (dalam batin) atau meresap ke dalam jiwa (Ibn Manzūr, 2005). Penghayatan bererti perihal menghayati, perihal mengalami dan merasai dalam batin (Othman, 2003). Dari segi penggunaan, penggunaan perkataan ini tidak jauh dengan maksud dari segi bahasa iaitu seseorang yang menghayati agama akan menjadikan agama itu hidup dalam diri dan luarannya. Ini kerana sesuatu itu dianggap hidup berdasarkan kewujudan roh dan tenaganya. Tanpa roh dan tenaga segala pergerakan pun terhenti dan sesuatu itu menjadi kaku, beku dan mati (Nor, 1989). Ini selari dengan pandangan bahawa agama merupakan roh kepada akal, fikiran dan pengetahuan yang berperanan sebagai pemangkin kepada segala gerak dan tingkahlaku manusia (Lubis, 1982).

Penghayatan akidah berkait rapat dengan penghayatan agama kerana akidah merupakan tiang utama agama (Jum‘ah, 1999). Hal ini turut dinyatakan al-Qaraḍāwī (1984) yang menjelaskan konsep penghayatan agama sebagai menghayati agama dalam seluruh aspek kehidupan dengan menyeluruh berdasarkan menghayati akidah sebagai pegangan hidup, ibadah sebagai amalan hidup, syariah sebagai peraturan dan pertimbangan hidup, serta akhlak mulia sebagai etika hidup termasuk menjauhi perbuatan syirik dan perbuatan-perbuatan lain yang ditegah oleh Allah SWT.


Kemerosotan akidah dalam kalangan remaja ini hanya boleh diatasi melalui penghayatan akidah dan hubungan yang berterusan dengan Allah SWT (al-Qaraḍāwī, 2005). Hal ini turut disokong oleh Noordin dan Dan (2002) serta ‘Ulwan (1998) yang berpendapat pembentukan individu muslim mestilah dimulakan dengan membina kekuatan akidah kerana kekuatan inilah yang akan melahirkan individu yang berperibadi mulia, bertingkah laku baik sama ada dari aspek emosi, mental dan fizikal. Selain itu, nilai akidah yang ditanam dalam diri semenjak kecil mampu menjadi satu landasan yang berterusan dalam keimanan kepada Allah SWT sekali gus berupaya menjadi pelindung diri daripada terpengaruh dengan perkara-perkara yang menyesatkan diri dan menjauhkan diri daripada landasan agama (Din & Tamuri, 2010; Ibrahim, 1996).

#### **4. Pencegahan Dadah Terhadap Golongan Berisiko**

Pencegahan dadah yang paling efektif ialah langkah pencegahan yang dilaksanakan terhadap golongan berisiko. Golongan berisiko ialah golongan yang mempunyai risiko untuk menagih dadah. Golongan ini mempunyai faktor risiko untuk menagih dadah namun mereka belum terjebak dengan penagihan dadah. Faktor risiko ialah faktor yang meningkatkan risiko seseorang terlibat dengan dadah. Manakala faktor pelindung ialah faktor yang melindungi seseorang daripada risiko terlibat dengan dadah (Hawkins, Catallano & Miller, 1992).

Pendekatan ini dapat dilaksanakan dengan mengenalpasti faktor risiko tersebut, mengenalpasti kaedah yang berkesan dan membangunkan aplikasi pencegahan (Hawkins, Catallano & Miller, 1992). Pencegahan terhadap golongan berisiko ialah menghapuskan, mengurangkan, mengubah faktor risiko yang terdapat daripada seseorang dan melengkapinya dengan faktor pelindung (Vartainen, Fallonen, McAlister, & Puska, 1990). Individu itu dikategorikan sebagai belia berisiko jika mempunyai faktor risiko yang lebih dominan daripada faktor pelindung (Razali, 2010).

Pencegahan dadah terhadap golongan berisiko ialah pencegahan sekunder, iaitu pencegahan terhadap golongan yang belum menagih dadah namun dikategorikan mempunyai risiko untuk terjebak kepada penagihan dadah kerana faktor risiko yang dimiliki. Pencegahan ini ialah pendekatan berjaga-jaga kerana jika ketagihan telah ada, pencegahan dan pemulihan yang ingin dilaksanakan lebih sukar (Munro & Ramsden, 2013).



Secara umumnya faktor risiko yang dikenal pasti menyumbang kepada masalah penagihan dadah ialah lemahnya jati diri individu, keinginan untuk berseronok, tekanan jiwa, longgarnya pegangan agama, mempunyai daya tahan yang rendah, rapuhnya nilai pegangan moral di dalam diri, berdepan dengan pelbagai bentuk tekanan hidup dan masalah keluarga. Kegagalan berhadapan dengan faktor-faktor penagihan tersebut juga akan menyebabkan berlakunya masalah pergantungan tinggi kepada dadah sebagai suatu cara untuk lari daripada masalah dan akhirnya mencetus tingkah laku pengulangan (Ariffin, 2006). Manakala, faktor pelindung ialah jati diri yang kukuh, mempunyai daya tahan yang kuat, pegangan agama yang utuh, menghargai diri, kasih sayang, pengharapan, berdikari, bersyukur, dan mempunyai tujuan hidup. Faktor-faktor ini merupakan pelindung daripada risiko terlibat dengan dadah (Roy et al., 2019).

Untuk menangani faktor risiko yang dimiliki individu, faktor pelindung yang mampu mendominasi faktor risiko hendaklah dikenal pasti. Sebagai contoh, individu yang mempunyai masalah tekanan hidup dapat mengatasinya dengan mempunyai daya tahan yang ampuh dalam diri. Maka individu ini mampu berfikiran positif dan melihat tekanan sebagai peluang untuk belajar. Oleh itu, secara asasnya pencegahan golongan berisiko atau pencegahan sekunder ialah dengan mengatasi, mengurangkan dan menghalang faktor risiko dengan faktor pelindung yang bersesuaian (Ibrahim, Zakaria, Saim, Nen, & Sani, 2017).

## 5. Daya Tahan sebagai Faktor Pelindung dalam Pencegahan Dadah


Kajian berkenaan pencegahan penyalahgunaan dadah telah melalui banyak perubahan dan ia telah berkembang luas dengan terhasilnya banyak penemuan baharu dalam teori dan pendekatan pencegahan dan rawatan penyalahgunaan dadah. Teori terkini dalam pencegahan dadah merumuskan penglibatan individu dengan penyalahgunaan dadah mempunyai hubungan dengan faktor risiko (*risk factors*) yang lebih dominan daripada faktor pelindung (*protective factors*). Ini bermakna semakin tinggi elemen risiko dan rendah elemen pelindung pada diri seseorang maka semakin tinggi risikonya untuk terlibat dengan penyalahgunaan bahan psikoaktif tersebut (Razali, 2010).

Terdapat pelbagai kajian yang membincangkan faktor pelindung seseorang terhadap penagihan dadah. Antara yang sering dibincangkan ialah aspek daya tahan seseorang (Zamani et al., 2013). Daya tahan merupakan suatu kekuatan dalaman seseorang individu yang boleh membantu mereka untuk mengharungi kehidupan secara positif (Masten & Reed, 2002). Santa (2006) mentakrifkan ketahanan diri sebagai kapasiti individu untuk bangkit apabila berhadapan dengan keadaan kesukaran. Stein (2005) pula menjelaskan bahawa ketahanan diri merupakan suatu metode seseorang individu menanganai sesuatu perkara yang berlaku dalam kehidupannya. Manakala Ibrahim et al. (2013) memberikan pandangan bahawa ketahanan diri sebagai suatu kebolehan daya tindak seseorang penagih untuk mengawal serta mengurus dengan baik perkara negatif yang berlaku dalam kehidupan sehari-hari khususnya dalam diri mereka. Dalam erti kata lain, daya tahan bertindak sebagai benteng supaya tidak terdedah kepada perlakuan yang tidak wajar, keganasan, penderaan atau penganiayaan. Individu yang mempunyai ketahanan diri akan melihat kesukaran sebagai suatu skop yang terbatas dan bersifat sementara, dan seterusnya memandang kehidupannya secara positif (Salami, 2010).

Dengan wujudnya ketahanan diri, ia membolehkan seseorang bekas penagih untuk bangkit secara positif menghadapi cabaran apabila mereka berhadapan dengan situasi berisiko tinggi yang boleh mendorong kepada penagihan semula dadah. Malah menurut Mann, Hosman, Schaalma, dan De Vries (2004) ketahanan diri yang ada dalam kalangan penagih membantu mereka untuk meningkatkan penghargaan kendiri dan membantu memberikan mereka kekuatan untuk berhadapan serta menjauhkan diri daripada terlibat semula dengan tingkah laku berisiko.

Selain itu, ketahanan diri merupakan faktor yang membantu melindungi seseorang penagih untuk kembali relaps (Mann, et al., 2004). Ketahanan diri boleh menjadi benteng kepada permasalahan dadah dan memberi kekuatan kepada bekas penagih apabila berhadapan dengan keadaan persekitaran luaran yang berisiko sehingga menyebabkan mereka terjebak semula dengan permasalahan dadah (Dillon et al., 2007).

Walau bagaimanapun, kajian terdahulu dilihat kurang mengaitkan konsep ketahanan diri dengan program rawatan dadah meskipun terdapat beberapa penemuan kajian yang berjaya mengenalpasti pengaruh program pemulihan ke atas kejayaan holistik meningkatkan ketahanan diri bekas penagih (Ibrahim et al., 2017). Menurut kajian yang dijalankan oleh Galanter et al. (2006), program rawatan dadah berbentuk agama atau spiritual hakikatnya membantu dalam membentuk ketahanan diri dan ciri-ciri personal individu yang lebih kukuh. Malah program kerohanian dan agama juga dikenalpasti membantu memberi kekuatan untuk membina daya tahan dan mengubah tingkah laku meninggalkan dadah. Dapatkan ini disokong oleh Vallano (2008) yang menyimpulkan ketahanan adalah keupayaan untuk bangkit semula dari suatu keadaan yang amat sukar yang mencabar keupayaan diri. Ianya merupakan proses pemulihan dalam membina hubungan interpersonal yang



fleksibel, mengasah kekuatan mental, fizikal dan rohani serta mengimbangi emosi, yang mana semua ini menggambarkan diri seseorang individu secara menyeluruh. Oleh itu, kajian yang dinyatakan membuktikan pengaruh agama terhadap peningkatan daya tahan seseorang.

Di samping itu, terdapat banyak kajian berkenaan pengukuran daya tahan seseorang. Menurut Zamani et al. (2013) daya tahan seseorang boleh diukur pada 8 dimensi iaitu skala aktif, skala hubungan sosial, skala perhubungan interpersonal, skala penyelesaian masalah, skala mengurus, skala fleksibel, skala pandangan individu dan skala jaminan diri serta dipecahkan kepada 3 tahap rendah, sederhana dan tinggi. Manakala menurut Arip et al. (2015) pengukuran diukur pada 7 dimensi iaitu celik akal, sifat berdikari, corak perhubungan, inisiatif diri, kreativiti dan humor, moral dan ketabahan diri. Pemarkahan pula diukur berdasarkan skala likert lima mata iaitu skala 1 hingga 5 (Sangat Tidak Setuju hingga Sangat Setuju). Gaya pengukuran ini turut digunakan oleh Biscoe dan Harris (1995).

Daya tahan merupakan faktor pelindung yang penting dan merupakan benteng penagihan dadah. Selain itu, daya tahan dilihat sebagai faktor yang sensitif dan bergerak balas terhadap risiko penagihan dadah. Justeru, skala daya tahan telah digunakan untuk mengenalpasti golongan yang berisiko menagih dadah (Arip et al., 2015). Terdapat keperluan yang besar untuk mengkaji faktor dan punca peningkatan daya tahan diri dalam memperkasa startegi pencegahan dadah sedia ada.

## **6. Elemen Penghayatan Akidah dalam Membina Daya Tahan Belia**


Akidah bermula dengan keyakinan kepada Zat Mutlak Yang Maha Esa yang disebut sebagai Allah SWT. Allah Maha Esa dalam zat, sifat, perbuatan dan wujudnya. Kesaan Allah SWT itu disebut sebagai tauhid. Tauhid menjadi rukun iman dan sumber seluruh keyakinan Islam (Azwir, 2003).

Dalam konteks penghayatan akidah, al-Ghazālī (1994) berpendapat seseorang insan perlu melalui proses pelaziman dan latihan yang membantunya untuk melahirkan kepatuhan dan menjadi amalan yang rutin. Beliau telah menetapkan beberapa langkah awal bagi memastikan setiap kanak-kanak dan belia mampu menghayati akidah dengan betul dan sahih. Langkah pertama ialah menghafal, memahami dan meyakini apa yang dipelajari tentang ilmu akidah. Seterusnya, bagi memastikan akidah itu benar-benar kukuh dan padu dalam hati, setiap kanak-kanak dan remaja hendaklah dipandu untuk melaksanakan amalan dan kewajipan yang sepatutnya dilakukan oleh seorang muslim. Amalan yang disarankan ialah melaksanakan ibadat fardhu dan sunat seperti solat, puasa, zakat, mengerjakan haji, membaca al-Quran, berzikir, berdoa, bertafakur dan lain-lain lagi. Mereka juga digalakkan menghadiri kelas pengajian agama yang diadakan oleh para ulama.

Di samping itu, apabila diteliti pandangan para sarjana dan ulama, akidah merujuk kepada kepercayaan dan pengetahuan, perasaan dan pemikiran, rasa bertanggungjawab untuk melaksanakan perintah serta mengajak orang lain melakukan kebaikan. Pandangan ini menunjukkan kepada wujudnya rangsangan yang memandu seseorang melakukan dan menghayati nilai tertentu kesan daripada melaksanakan amalan tersebut. Oleh itu, penghayatan akidah adalah proses seseorang menghayati dan berpegang teguh dengan isi kandungan akidah dengan penuh kefahaman, keyakinan, penyerahan diri, meresap ke dalam hati dan perasaan, diikuti dengan amal perbuatan dan tingkah laku yang selari dengan tuntutan iman (Salleh, 2015).

Seterusnya, konsep penghayatan agama yang mencakupi dimensi akidah, ibadah, akhlak dan syariah mempunyai kaitan rapat dengan aspek dalaman atau kerohanian. Ini kerana kesempurnaan penghayatan keempat-empat dimensi yang disebutkan memberi kesan kepada kerohanian seseorang (Abdul Ghani & Abu Mansor, 2006). Hal ini bertepatan dengan perbincangan yang diutarakan oleh Arifin (1977). Beliau menjelaskan jika dilihat dari sudut psikologi, kejadian manusia yang meliputi elemen-elemen fizikal dan spiritual menyebabkan ia memerlukan keseimbangan antara aspek jasmaniah dan rohaniah. Justeru, penghayatan akidah berfungsi sebagai membentuk kerohanian atau kejiwaan manusia dalam kehidupannya (Arifin, 1977). Pandangan ini juga selari dengan kajian Yusof (2009) yang berpendapat pentingnya pendidikan agama bagi meningkatkan kerohanian yang tinggi. Begitu juga pandangan yang diutarakan oleh al-Najātī (2001) bahawa kewajipan beriman kepada Allah SWT dan menghayati segenap aspek akidah Islam adalah untuk mengubah jiwa dan rohani manusia. Sebelum kedatangan Islam di bumi hijaz, jiwa dan rohani manusia adalah kosong, suka bergaduh sesama sendiri, melakukan pertumpahan darah, membunuh anak-anak perempuan dan berbagai-bagi kejahatan yang dilakukan oleh masyarakat jahiliah. Perbincangan ini bertepatan dengan pernyataan yang dibawa oleh al-Ghazālī (2005) bahawa akidah dan keimanan mempunyai kesan kepada rasa taat di dalam hati manusia dan kerohanian di dalam jiwanya.

Daya tahan merupakan aspek yang penting dalam diri manusia dan ia merupakan benteng pencegahan terhadap penagihan dadah (Arip et al., 2015). Sumbangan akidah terhadap kerohanian menyebabkan akidah mempunyai peranan besar terhadap daya tahan. Hal ini kerana kerohanian merupakan sebahagian daripada



Published biannually by:  
**Faculty of Islamic Civilization Studies,**  
**Selangor International Islamic University College (KUIS)**  
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.  
Tel: +603-8911 7167. Fax: +603-8925 4402  
Email: alirsyad@kuis.edu.my  
Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>

**Vol. 5, No. 2, (December, 2020)**

dimensi daya tahan dan mempunyai sumbangan yang signifikan. Menurut kajian Galanter, et al. (2006) program keagamaan yang menekankan aspek ketuhanan dan kepercayaan menyumbang kepada daya tahan individu. Malah, Khalid (2008) turut menyatakan bahawa spiritual mempunyai sumbangan signifikan terhadap daya tahan seterusnya membina pencegahan yang efektif. Pendekatan kerohanian Islam yang menfokuskan kepada konsep akidah dalam usaha mencegah, merawat dan memulihkan penagih dadah dan ketagihan mereka adalah amat berkesan. Hal ini kerana psikospiritual Islam dapat memulihkan kerohanian dan membina ketahanan.

Elemen penghayatan akidah terdiri daripada kefahaman, perasaan dan amalan. Elemen kefahaman akidah dapat dicapai melalui pembelajaran akidah sama ada secara formal ataupun tidak. Pembelajaran secara formal seperti pengajian di sekolah, institusi pengajian dan pusat pendidikan manakala pendidikan tidak formal seperti kuliah di masjid dan surau. Kefahaman akidah merupakan tunjang kepada keyakinan belia dan melahirkan rasa patuh kepada agama. Elemen ini akan membentuk jiwa yang bertakwa dan memelihara diri daripada melakukan dosa dan kemurkaan Allah SWT (Mohd Salleh, Amat & Salleh, 2015). Melalui elemen kefahaman akidah elemen daya tahan seperti kepercayaan, pengharapan, pengawasan dan konsep balasan dapat diperolehi. Keseluruhan elemen ini menyumbang terhadap daya tahan individu dan membentuk pencegahan dadah yang ampuh (al-Ghazālī, 2005).

Seterusnya, selepas elemen kefahaman, elemen perasaan dapat dicapai melalui mendalamai nilai-nilai yang diterapkan dalam akidah. Akidah menerapkan konsep dosa dan pahala, balasan dan ganjaran di akhirat, pengawasan Allah, kasih sayang Allah, kemurkaan Allah serta kehebatan dan kekuasaan Allah (Mohd Salleh, Amat & Salleh, 2015). Melalui elemen perasaan ini menghasilkan nilai ketaatan, pengawasan, keredaan, kesyukuran, penghargaan dan kecintaan. Kesemua elemen ini menyumbang terhadap daya tahan individu yang akhirnya berupaya menjadi benteng pencegahan yang ampuh (al-Ghazālī, 2005).

Akhir sekali, elemen penghayatan akidah ketiga iaitu elemen amalan yang merupakan peringkat selepas kefahaman dan perasaan. Amalan merupakan buah keimanan yang terserlah dalam diri seseorang yang benar-benar memahami dan menghayati tuntutan rukun iman. Peringkat ini merupakan proses pelaziman dan latihan yang membantunya untuk menimbulkan kepatuhan dan membentuk rutin. Elemen amalan menguatkan nilai-nilai dan penghayatan yang telah diperolehi. Seorang insan dapat mengamalkan dan memanifestasikan nilai-nilai dan konsep yang telah diperolehi daripada peringkat sebelum ini dalam konteks perhambaan kepada Allah SWT (Mohd Salleh, Amat & Salleh, 2015). Melalui elemen amalan seseorang memperolehi nilai kecekalan, kepatuhan, pengurusan diri dan ketekunan. Elemen amalan menyumbang terhadap daya tahan individu dan memastikan penghayatan nilai yang diperolehi berpanjangan (al-Ghazālī, 2005).


Daya tahan merupakan komponen utama faktor pelindung. Faktor pelindung ialah faktor yang dapat mengatasi faktor risiko seseorang daripada terlibat dengan penagihan dadah. Prinsip pencegahan terhadap golongan berisiko ialah memperkasakan faktor pelindung seseorang yang dapat mengatasi atau mengurangkan faktor risiko (Munro & Ramsden, 2013). Oleh itu, terdapat faktor pelindung berdasarkan nilai yang diperolehi daripada penghayatan akidah iaitu kepercayaan, pengharapan, pengawasan, konsep balasan, ketaatan, pengawasan, keredaan, kesyukuran, penghargaan, kecintaan, kecekalan, kepatuhan, pengurusan diri dan ketekunan (al-Ghazālī, 2005).

## 7. Kesimpulan

Penghayatan akidah mengandungi elemen yang terdiri daripada kefahaman, perasaan dan amalan seterusnya membahukan akhlak yang terpuji dan peribadi yang murni. Kerohanian merupakan suatu aspek yang mendasari penghayatan akidah dan merupakan komponen utama dalam struktur daya tahan seseorang. Kajian ini menyimpulkan bahawa penghayatan akidah dapat membina daya tahan belia. Terdapat keperluan kepada kajian yang terperinci terhadap pendekatan psikospiritual Islam yang boleh diimplementasikan dalam strategi pencegahan. Pendekatan psikospiritual Islam yang mengandungi dimensi akidah telah terbukti mampu meningkatkan daya tahan belia dan membentuk pencegahan yang berkesan. Melentur buluh biarlah dari rebungnya, jika permasalahan dadah diatasi dan dicegah dari permulaanya nescaya bencana penagihan dadah dapat diatasi.

## Penghargaan


Artikel ini adalah sebahagian daripada hasil kajian bertajuk *Modul Psikospiritual Nabawi Bagi Pemulihan Dadah di Pusat Serenti (Agensi Anti Dadah Kebangsaan)*. Penulis mengisyiharkan penerimaan sokongan kewangan daripada pihak berikut untuk penyelidikan, karangan, dan/atau penerbitan artikel ini. Artikel ini di




bawah sokongan Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) KUIS bagi kod dana Geran Penyelidikan Insentif KUIS: 2018/P/GPIK/GPP-003.

## Rujukan

- ‘Ulwān, A. N. (1998). *Tarbiyah al-awlād*. Kaherah: Dār al-Salām.
- Abdul Ghani, S. & Adam, F. 2014. Pemulihan dadah menurut perseptif agama di Malaysia. *Jurnal Hadhari* 6(1) 75-85.
- Abdul Ghani, Z. & Abu Mansor, S. (2006). Penghayatan agama sebagai asas pembangunan pelajar: Analisis terhadap beberapa pandangan al-Imam al-Ghazali. *National Student Development Conference* (NASDEC).
- Abdul Kadir, F. A., Paad, N. S., Ghapar, A., & Nawawi, M. (2013). Salah laku remaja dan asas penyelesaiannya menurut perspektif Islam. *International Seminar on Islamic Jurisprudence in Contemporary Society*.
- Abdul Manaf, A. (2001). *Sejarah sosial masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Abdullah, A. R. (1998). *Pemikiran Islam di Malaysia, sejarah dan aliran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah, H. (2009). *Pembentukan model sosio-psikologikal dalam memahami fenomena Mat Rempit di Lembah Klang*. Projek FRGS. Institut Pengajian Sosial: UPM.
- Ali, A. & Yusof, Z. (2004). Salah laku sosial remaja kini: cabaran dan penyelesaian. *Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Arifin, H. M. (1977). *Psikologi dan beberapa aspek kehidupan rohaniyah manusia*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Ariffin, N. M. (2016). *Pengaruh kesejahteraan rohani terhadap kecenderungan pengulangan dadah di tujuh Pusat Khidmat Agensi Anti Dadah Kebangsaan (PKAADK) di Malaysia* (Doctoral dissertation, Universiti Sains Malaysia).
- Arip, M. A., Ghazālī , M. S., Rahman, A. M., Jusoh, A. J., Salim, S. S., & Mustafa, M. B. (2015). Kesan program pencegahan dadah berdasarkan modul pengubahsuai corak pemikiran (pcp) ke atas daya tahan dan kelangsungan dalam kalangan belia berisiko. *Jurnal Antidadah Malaysia*.
- Ary, G. A. (2002). *ESQ: Emotional spiritual quotient*. Jakarta: Penerbit Arga.
- al-Ashqar, U. S. (1984). *‘Aqīdah fī Allah*. Kuwait: Maktabah al-Falāh.
- al-Attas, M. N. 1990. *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*. Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- Azwir, S. (2003). Kurikulum pendidikan Islam: kajian filosofis tentang asas dan implikasinya terhadap komponen kurikulum. *Potensia: Jurnal Pendidikan Islam*. Vol. 2. No. 1. 33-52.
- Baharom, N. et al. (2015). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Biscoe, B., & Harris, B. (1994). *Adolescent resiliency attitudes scale manual*. Oklahoma: Eagle Ridge Ins.
- Daud, H. (1989). *Sejarah Melayu: satu kajian daripada aspek pensejarahan budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dillon, L., Chivite-Matthews, N., Grewal, I., Brown, R., Webster, S., Weddell, E., ... & Smith, N. (2007). *Risk, protective factors and resilience to drug use: identifying resilient young people and learning from their experiences*. London: Home Office.
- Din, Z. & Tamuri, A. H. (2010). *Pendekatan bersepadu pengajaran dan pembelajaran akidah*. Bangi: UKM.
- Galanter, M., Dermatis, H., Bunt, G., Williams, C., Trujillo, M., & Steinke, P. (2007). Assessment of spirituality and its relevance to addiction treatment. *Journal of Substance Abuse Treatment*, 33(3), 257-264. Doi: 10.1016/j.jsat.2006.06.014.
- Gamal, A. N., (2002). *Muhammad Natsir: pendidik ummah*. (Tesis Kedoktoran). Bangi: Fakulti Pendidikan, UKM.
- al-Ghazālī, A. H. (2005). *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*. Kaherah: Dār al-Tawzī’ wa al-Nashr al-Islāmiyah.
- al-Ghazālī, A. H. (1994). *Majmū’ah Rasā’il al-Imām al-Ghazālī*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- Hamat, F. (2008). Cabaran pengukuhan akidah di Malaysia: tumpuan aspek pendekatan pengajaran. *Jurnal Penyelidikan Islam*, Bil. 21, Putrajaya: JAKIM.
- Hassan, H. (2011). *Pengaruh satanisme dalam fenomena metal di Malaysia: analisa dari perspektif akidah Islam*. (Tesis Kedoktoran). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Hawkins, J. D., Catalano, R. F., & Miller, J. Y. (1992). Risk and protective factors for alcohol and other drug problems in adolescence and early adulthood: implications for substance abuse prevention. *Psychological bulletin*, 112(1), 64. Doi: 10.1037/0033-2909.112.1.64.



- Ibn Manzūr, M. (2005). *Lisān al-‘Arab*. Beirut: Dar al-Sadr.
- Ibrahim, F., Nen, S., Zakaria, E., Manaf, A. A., Mohamad, M. S., & Tsuey, C. S. (2013). Measuring self-esteem, resilience, aggressive behavior and religious knowledge among women drug inmates in malaysian *Pertanika (S)*, Vol. 21, Dec. 2013, 31.
- Ibrahim, F., Zakaria, E., Saim, N. J., Nen, S., & Sani, M. N. M. (2017). Faktor-faktor penyumbang ketahanan diri penagih untuk pulih bebas dadah. *e-BANGI*, 12(1), 60-74.
- Ibrahim, S. (1996). *Akidah Ahli Sunah Wal Jamaah*. Kuala Lumpur: JAKIM.
- Ibrahim, Y. (2004). Etiologi masalah sosial: Kajian terhadap remaja di Sungai Petani, Kedah. *Jurnal Psikologi dan Pembangunan Manusia*. Jil 20: 47-66.
- Ismail, R. (2008). Remaja dan lumba motosikal haram. *Prosiding Seminar Penyelidikan Pembangunan Generasi Muda*. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Negara Malaysia.
- Ismail, R., et al. (2014). The effect of demographic characteristic to quality of life and happiness in Malaysia. *Research Journal of Applied Sciences, Engineering and Technology*. 7(1):198-205.
- Jailani, M. R. & Osman, A. B. (2015). Integrasi terapi psikospiritual islam dalam modul rawatan dan rehabilitasi berasaskan TC (Therapeutic Community). *International Drug Prevention And Rehabilitation Conference (Prevent 2015)*(1-12).
- Jum‘ah, U. (1999). *Madkhal li Dirāsah Aqīdah Islāmiyyah*. Jeddah: Maktabah Sawādī li Tawzī’.
- Khalid, M. Y. (2008). Psychospiritual therapy approach for drug addiction rehabilitation. *Jurnal Antidadah Malaysia* (3), 143-151.
- Lubis, H. I. (1982). *Agama Islam: suatu pengantar*. Jakarta Timur: Ghalia Indonesia.
- Mann, M. M., Hosman, C. M., Schaalma, H. P., & De Vries, N. K. (2004). Self-esteem in a broad-spectrum approach for mental health promotion. *Health education research*, 19(4), 357-372.
- Mas’od, A. (2013). *Diskusi isu akidah & pemikiran semasa di Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Masten, A. S. & Reed, M. G. (2002). *Resilience in development. handbook of positive psychology*. New York: Oxford University Press.
- Mat, J. (1997). Ahli al-sunnah wa al-jamaah: satu pengenalan. *Jurnal Usuluddin*, 6, 1-22.
- Mohamed, M. N. (2006). *Mencegah, merawat & memulihkan penagihan dadah: beberapa pendekatan dan amalan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Mohd Salleh, N., Amat, P., & Salleh, M. D. (2015). *Penghayatan akidah, ketenangan hati dan ketenangan rohani pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia*. (Tesis Kedoktoran). Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Munro, G., & Ramsden, R. (2013). Primary prevention: Preventing the uptake of drugs. In *Drug Use in Australian Society*. Oxford University Press, South Melbourne.
- Musa, H. (2004). *Dialog peradaban, pemerksaan tamadun melayu menghadapi globalisasi barat*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- al-Najātī. M. U. (2001). *Al-Qurān wa ‘ilm al-Nafs*. Kaherah: Dār al-Shurūq.
- Noordin, T. A. & Dan, N. A. (2002). *Pendidikan dan pembangunan manusia: pendekatan bersepada*. Bangi: Al-Syabab Media.
- Nor, S. (1989). Penghayatan al-Quran di Malaysia. *Bangi*. 1-28.
- Othman, W. N. (2003). *Black Metal: keruntuhan akhlak di kalangan remaja Islam*. (Tesis Sarjana). Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- al-Qaraḍāwī, Y. (1984). *Ke arah pelaksanaan Syariah Islamiyyah*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- al-Qaraḍāwī, Y. (2005). *Al-Imān wa al-hayāh*. Kaherah: Dār Ghad al-Jadīd
- Razali, M. M. (2010). *Faktor risiko dan pelindung penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja di sebuah pusat serenti*. (Tesis kedoktoran). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Roy, P. L. et al. (2019). Risk factors associated with drug resistant focal epilepsy in adults: a case control study. *Seizure*, 73, 46-50. DOI: 10.1016/j.seizure.2019.10.020.
- Sābiq, S. (2003). *al-‘Aqā’id al-Islāmiyyah*. Kaherah: Dār al-Fath li al-‘Ilm al-‘Arabī.
- al-Sa‘dī, A. R. (2000). *Taysīr al-Karīm al-Rahmān*. Kaherah: Muassasah al-Risālah.
- al-Sakandari, I. A. (2007). *Al-Tanwīr fi isqāt al-tadbīr*. Kaherah: Al-Maktabah al-Azhariyyah al-Turāth
- Salami, S. O. (2010). Moderating effects of resilience, self-esteem and social support on adolescents' reactions to violence. *Asian Social Science*. 6(12): 101-110. Doi: 10.5539/ass.v6n12p101.
- Salleh, N. M. (2015). *Penghayatan akidah, ketenangan hati dan ketenangan rohani pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Di Malaysia*. (Tesis Kedoktoran). Bangi: Fakulti Pendidikan, UKM.
- Santa, A. (2006). How children develop resiliency. *Independent Schools*, 65 (3) 66-77.



Published biannually by:  
**Faculty of Islamic Civilization Studies,  
Selangor International Islamic University College (KUIS)**  
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.  
Tel: +603-8911 7167. Fax: +603-8925 4402  
Email: [alirsyad@kuis.edu.my](mailto:alirsyad@kuis.edu.my)  
Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>

**Vol. 5, No. 2, (December, 2020)**

- Shafie, U. H. (2006). *Rawatan penagihan dadah: pendekatan kerohanian menggunakan metode Thoriqat Qadiriyah Wan Naqsabandiyah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Stein, M. (2005). *Resilience and young people leaving care*. London: Joseph Rowntree.
- Shalṭūt, M. (1997). *Al-Islām Aqīdah Wa Shari‘ah*. Kaherah: Dār al-Shurūq.
- Taharem, A. Z. (2004). *Menangani penyalahgunaan & penagihan dadah menurut Islam*. Rawang: Penerbit Minda Ikhwan.
- Vallano, A. T. (2008). *Your career in nursing: manage your future in the changing world of healthcare*. New York, NY: Kaplan Publishing.
- Vartiainen, E., Fallon, U., McAlister, A. L., & Puska, P. (1990). Eight-year follow-up results of an adolescent smoking prevention program: the North Karelia Youth Project. *American Journal of Public Health*, 80(1), 78-79. Doi: 10.2105/ajph.80.1.78.
- Ya’qub, H. (2000). *Tingkat ketenangan dan kebahagiaan Mukmin*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Yusof, R. (2009). *Kecerdasan emosi, efikasi kendiri dan sumbangan terhadap komitmen tugas guru kaunseling Sekolah Menengah*. (Tesis Kedoktoran). Bangi: Fakulti Pendidikan, UKM.
- Zamani, Z. A., Nasir, R., Desa, A., Khairudin, R., Yussoff, F., & Yusoff, S. H. M. (2013). Kefungsian keluarga, pengherotan kognitif dan resilien dalam kalangan klien Cure and Care Rehabilitation Centre (CCRC) dan Klinik Cure and Care (C&C). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 27, 137-149.